

Forum Perdana Tamu Gadang UMS Labuan dapat sambutan menggalakkan

UB 22.11.2016 A2

LABUAN: Forum Perdana 'Dua Jiwa Satu Cinta' anjuran bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) mendapat sambutan menggalakkan daripada umat Islam di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tiga ahli panel forum berkenaan iaitu Mudir Imam Muda Dato' Hassan Mahmud Al-Hafiz, Pengurus PPZ Labuan Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian dan Pengarah Pusat Islam UMS Ustaz Dr Muhd Suhaimi Taat serta Ketua Imam Masjid Jamek An-Nur Ustaz Mohd Najeeb Abd Rahim sebagai moderator berjaya menarik kehadiran orang ramai khususnya umat Islam.

Persembahan nasyid

Kumpulan Al-Furqan menyerikan lagi majlis yang bermula jam 8 malam itu.

Forum Perdana adalah satu program yang diadakan sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), 2016.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan terima kasih atas kehadiran Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli ke forum itu.

Katanya kehadiran Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan itu merupakan suntikan semangat kepada warga UMS Labuan untuk meneruskan forum perdana itu pada masa akan datang.

"Terima kasih kami ucapkan kepada Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli,



ROZMAN (lima dari kiri) bersama ahli panel dan tetamu kehormat yang menjayakan Forum Perdana Tamu Gadang UMS Labuan 2016.

pemimpin masyarakat dan umat Islam yang menjayakan Forum Perdana Tamu Gadang 2016," katanya.

Turut hadir, Bendahari

UMS Zalifah Shadan, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar Kanan

Zamri Mohammad Tuah serta Pengerusi Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS Labuan (Kesumba) Hayati Salleh Baihaki.